



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
JALAN KOLAM AIR
05675 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

A. **Sebutharga adalah dipelawa kepada para peniaga Bazar Ramadan untuk membuat tawaran bagi sebutharga seperti berikut :**

BIL RUJUKAN	HARGA DOKUMEN S/HARGA	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	HARGA MINIMUM	KETERANGAN KERJA
MBAS/BBK/ PROJ/01/ 2022	RM10.00	21.02.2022 (ISNIN)	6,000.00	TAWARAN SEWAAN TAPAK PAKAIAN / HIASAN NO.1 HINGGA NO.69 BAZAR RAMADAN DI STADIUM DARULAMAN, MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR TAHUN 2022

- B. Borang bidaan boleh diperolehi dari Bahagian Bekalan & Kontrak, Tingkat 8, Menara Majlis Bandaraya Alor Setar.
- C. Borang bidaan akan hanya dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang lengkap membawa perkara berikut :
- (a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan
 - (b) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SMM) dan salinan
 - (c) Salinan muka depan akaun bank / Penyata Akaun Bank
 - (d) Sekeping (1) gambar berukuran pasport
 - (e) **Wang Pertaruhan (Deposit) RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja)** berbentuk money order / bank draft atas nama Majlis Bandaraya Alor Setar untuk setiap satu dokumen sebutharga
- D. Borang bidaan yang telah lengkap beserta **Wang Pendahuluan sebanyak 50% daripada harga tawaran** berbentuk money order / bank draft hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan bertanda dengan No Tapak disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Alor Setar**. Tawaran di atas ditutup pada

08.03.2022 (SELASA)

 Jam 12.00 tengahari.
- E. Majlis Bandaraya Alor Setar sentiasa berhak menyetujui terima atau menolak sebutharga ini, samada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada tawaran-tawaran yang lain atau sama amaunnya.
- F. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selama sebulan selepas tawaran ditutup maka bolehlah dianggap tawaran yang dimasuki adalah tidak berjaya.
- G. Pemohon yang gagal (jika ada) boleh menuntut kembali Wang Pertaruhan (Deposit) dan akan dipulangkan semula **Wang Pertaruhan (Deposit) RM1,000.00** (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) berbentuk money order / bank draft. Segala tuntutan Wang Deposit hendaklah berurusan dengan **Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja**, Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah
- H. Pemohon yang gagal (jika ada) boleh menuntut kembali **Wang Pendahuluan sebanyak 50%** daripada harga tawaran dan akan dipulangkan semula berbentuk money order / bank draft. Segala tuntutan Wang Pendahuluan hendaklah berurusan dengan **Bahagian Bekalan & Kontrak**, Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah.